



SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

PERKEMBANGAN SIASATAN KES INSIDEN LRT LALUAN KELANA JAYA, 26 MEI 2021

SIASATAN INSIDEN : 'KECUAIAN MANUSIA' SALAH SATU PUNCA, LAIN-LAIN FAKTOR SEDANG DITELITI

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) sedang meneliti secara terperinci berhubung persepsi yang semakin meluas bahawa "kecuaian manusia" adalah punca berlakunya kemalangan membabitkan dua (2) buah tren LRT Kelana Jaya pada 24 Mei 2021 baru-baru ini.

Ini kurang tepat. Saya ingin menjelaskan bahawa 'faktor manusia' hanyalah salah satu aspek dalam siasatan kerana banyak lagi faktor keseluruhan teknikal dan operasi turut diteliti.

Jawatankuasa Siasatan yang terdiri daripada sembilan (9) orang yang diketuai oleh Ketua Setiausaha MOT, Datuk Isham Ishak telah memulakan siasatan dari pelbagai aspek, termasuk berkaitan kecuaian manusia.

Kami juga ingin menegaskan bahawa salah seorang kakitangan (hostler) yang terlibat dalam kejadian tersebut juga telah disahkan negatif dadah oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 25 Mei 2021. Individu tersebut wajar diberi hak bagi memudahkan siasatan tanpa rumusan awal.

Oleh itu, saya dan Jawatankuasa Siasatan menggesa orang ramai agar bersabar dan tidak mensensasikan sesuatu berita tidak tepat serta memberikan ruang kepada Jawatankuasa Siasatan melakukan siasatan mengikut tertib.

MENGENALPASTI DAN MENANGANI KESELAMATAN

Siasatan akan terus dilakukan untuk melihat bagaimana dan mengapa halangan keselamatan dilanggar sehingga menyebabkan insiden tersebut berlaku, serta memberi cadangan keselamatan sepenuhnya untuk mengelakkan kejadian sama berulang.



Keselamatan sistem pengangkutan LRT sebagai kepentingan awam tidak boleh dikompromi. Oleh itu, aspek keselamatan mesti menjadi perkara utama.

Jawatankuasa Siasatan juga akan meminta pandangan pihak luar yang memiliki kepakaran masing-masing supaya dapat membantu melengkapkan laporan akhir.

STATUS MANGSA

Saya telah melawat Hospital Kuala Lumpur (HKL) bersama Menteri Wilayah Persekutuan, YB Tan Sri Annuar Musa semalam untuk mendapatkan taklimat oleh Ketua Pengarah HKL, Datuk Dr Heric Corray mengenai keadaan mangsa di bawah jagaan mereka. Penjagaan perubatan yang sangat baik diberikan oleh kira-kira 300 kakitangan HKL dari pelbagai jabatan amat dipuji.

Seramai 67 mangsa dirawat di HKL, dimana 61 orang telah discaj. Pada masa ini, enam (6) orang masih dalam rawatan dengan tiga (3) orang di bawah zon kritikal.

Kami sekali lagi melahirkan rasa simpati terhadap para mangsa dan keluarga mangsa serta mendoakan agar mangsa segera sembuh. MOT akan terus berhubung dengan pihak hospital untuk mendapatkan perkembangan mangsa.

INVESTIGATION UPDATE TO KELANA JAYA LRT CRASH INCIDENT 26 MAY 2021

INCIDENT INVESTIGATION: ‘HUMAN ERROR’ ONLY ONE FACET UNDER INVESTIGATION, MANY OTHER FACTORS TO BE CONSIDERED.

The Ministry wishes to address widening perceptions that “human error” has been conclusively determined as a cause of the tragic accident involving two LRT Kelana Jaya trains on 24 May 2021.

This is less than correct. I wish to clarify that ‘human factor’ is merely a single facet in an investigation of this nature, which also takes into consideration an entire range of technical and operational components.



The 9-person ministerial-level investigative committee headed by Secretary General Datuk Isham Ishak and tasked to subject matter experts have begun to examine various aspects of the incident, of which the human factor is only one.

We also wish to remind that a hostler involved in the incident had tested negative following a drug test by the Royal Malaysia Police on 25 May 2021. This person must be allowed the opportunity to be heard in order to facilitate the investigation without premature judgements.

Therefore, the investigation committee and I urge the public to refrain from further sensationalisations and allow the investigation to be carried out orderly and not be jeopardised by premature judgement in the media and on social media.

IDENTIFYING AND SOLVING POTENTIAL SAFETY BREACHES PARAMOUNT

The investigation will continue to look into how and why safety barriers were breached which caused the incident and propose full safety recommendations to prevent such an event from happening again.

Safety of the LRT transport system as a vital public resource cannot be compromised. Therefore, finding gaps in safety must be paramount.

In this task, the investigation committee will also seek the views of external parties whose expertise can assist in compiling the final report.

VICTIMS' CONDITION

I visited Kuala Lumpur Hospital together with Minister of Federal Territories YB Tan Sri Annuar Musa yesterday to be briefed by Hospital Director Datuk Dr Heric Corray on the conditions of the victims under their care. The excellent medical care given by the Hospital which numbered some 300 personnel of many departments must be commended.

A total of 67 persons were treated at HKL, of which 61 had been discharged. Currently, six (6) persons remain under care with three (3) persons under critical care.



We once again convey our deepest sympathies with the victims and their families and wish them a full and complete recovery. The Ministry will be in touch with the hospital to stay updated on their progress.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
26 MEI 2021**

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media:

Kementerian Pengangkutan Malaysia

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)
 +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
Fax +603 8892 0208
E-mail sua@mot.gov.my
 unitkomunikasikorporat@mot.gov.my